

180001

Siri Budaya  
Masyarakat Malaysia



# KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Siti Razmah Hj. Idris  
Fatimah Azzahra

*Editor:*  
Sulaiman Zakaria



**PENERBIT PINANG**

No. 14, Jalan SS 4/17, 47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-7762300/7774678 Fax: 603-7762300

© PENERBIT PINANG  
Cetakan Pertama 1996

ISBN 983-055-073-7 (SET)  
ISBN 983-055-081-8

### AMARAN ATAS HAKCIPTA

*Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak PENERBIT PINANG.*

APB 931622

26 NOV 1997

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

### PENERBIT PINANG

No: 14, Jalan SS4/17, 47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-7762300/7774678. Fax: 603-7762300

M  
306.09595

SIT

f

Jan

306

Dicetak oleh: Shian Tai (M) Sdn. Bhd.  
Tel: 3429222 Fax: 3422886

# PRAKATA

Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama. Perbezaan ras dan anutan ini telah mewujudkan unsur-unsur budaya dan adat resam yang pelbagai dan menjadikan budaya Malaysia amat unik. Bagaimanapun, ciri-ciri budaya yang telah diamalkan sejak turun temurun mulai terhakis akibat arus pembangunan dan pemodenan yang melanda negara. Akibatnya, ciri-ciri budaya tradisional tidak dapat dihayati oleh generasi akan datang.

Sehubungan dengan itu, buku-buku dalam Siri Budaya Masyarakat Malaysia ini telah menampilkan secara ringkas kupasan tentang sebahagian daripada ciri-ciri budaya masyarakat yang terdapat di negara ini khususnya yang telah pupus.

Kebudayaan masyarakat Melayu menjadi teras kepada kebudayaan di Malaysia. Adanya pelbagai suku kaum dalam rumpun Melayu telah memperkayakan lagi budaya orang Melayu yang merupakan kaum terbesar dan penduduk peribumi negara ini. Untuk

menjelaskan perbezaan dari segi amalan dan cara hidup, budaya kaum Jawa dan Minangkabau dipilih untuk kupasan.

Kaum minoriti yang terdiri daripada kaum Serani, Sikh, Chitty, Baba Nyonya dan Thai merupakan sebahagian daripada penduduk Malaysia yang turut mempelbagaikan budaya Malaysia. Sekiranya masyarakat Baba dan Nyonya dikategorikan sebagai golongan Cina Peranakan, Masyarakat Chitty pula adalah golongan Hindu Peranakan. Ini jelas menunjukkan suku-suku kaum ini wujud hasil daripada percampuran dua budaya yang berbeza.

Kebudayaan Kebangsaan merupakan hasrat kerajaan untuk melihat rakyat Malaysia berada bawah satu identiti dan corak budaya yang sama. Justeru itu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal dan pelbagai saranan dan pelaksanaan dibuat untuk mencapai maksud tersebut. Untuk itu semua ciri kebudayaan kebangsaan haruslah dihayati bersama supaya membuahkan hasil yang membanggakan.



# KANDUNGAN



Pengenalan.....	1
Prinsip Pembinaan Kebudayaan Kebangsaan.....	3
Latar Belakang Kebudayaan Kebangsaan.....	8
Objektif.....	14
Cara Pelaksanaan.....	18
Pencapaian Dasar Kebudayaan Kebangsaan.....	23
Masalah.....	31
Penutup.....	36

# PENGENALAN

Rakyat Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum. Orang Melayu, Cina dan India adalah tiga kaum yang terbesar dan setiap kaum mempunyai kebudayaan mereka tersendiri. Keadaan ini menjadikan Malaysia bermasyarakat majmuk.

Apa yang lebih menarik, Malaysia bukan sahaja negara yang



*Antara ciri-ciri budaya Cina*

mempunyai masyarakat yang majmuk, malahan boleh dikatakan majmuk dalam majmuk. Apa yang dimaksudkan majmuk dalam majmuk ialah setiap kaum di Malaysia terdiri daripada pelbagai suku kaum. Umpamanya, dalam masyarakat

Melayu sendiri terdapat orang Melayu Jawa, Minangkabau, Kerinci, Bugis dan sebagainya. Demikian juga dengan kaum Cina seperti suku kaum Hokkien, Hailam, Kantonis dan lain-lain. Kaum India pula terdiri daripada Tamil, Malayalam, Benggali dan dan lain-lain.

Perpaduan antara kaum amat penting dalam sebuah masyarakat




*Budaya India*

yang majmuk apatah lagi yang bersifat majmuk dalam majmuk. Ini perlu demi menjamin keamanan dan keharmonian antara kaum atau sesama kaum itu sendiri. Berdasarkan faktor inilah teretusnya gagasan untuk mewujudkan satu

kebudayaan kebangsaan yang merangkumi pelbagai budaya di Malaysia. Kebudayaan ini diharapkan akan membawa identiti bangsa Malaysia dengan mengeneipkan penonjolan menurut kaum.

### Apakah Budaya

Budaya atau kebudayaan didefinisikan sebagai keseluruhan cara hidup manusia. Ini termasuklah pengetahuan, kesenian, kelengkapan hidup, sistem ekonomi dan kemasyarakatan, bahasa dan adat istiadat. Kebudayaan adalah segala kelakuan manusia yang tidak statik tetapi dinamik. Kebudayaan ini akan mengalami perubahan menurut



*Budaya Melayu*

perkembangan pemikiran manusia dan persekitaran.

Kebudayaan amat penting dalam proses pembentukan dan pembangunan negara seperti Malaysia. Budaya berupaya mencerminkan keperibadian dan identiti sesuatu bangsa. Dalam waktu yang sama, budaya juga dapat mengatur hubungan yang baik antara anggota masyarakat Malaysia.

Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 dijadikan garis panduan dalam membentuk, mewujudkan dan mengekalkan identiti negara di kalangan dunia antarabangsa.

Bagi sesebuah negara seperti Malaysia, terdapat pelbagai jenis masyarakat dengan adat dan kebudayaan yang tersendiri. Apa yang diimpikan ialah untuk mencapai ke satu tahap wujudnya kesepaduan yang mencakupi batas masyarakat dan budaya yang berbagai-bagai.

Budaya dapat dilihat sebagai fenomena sejarah, iaitu dicipta dan disebarkan melalui proses difusi. Proses ini bermakna sesuatu unsur yang baik, konkrit dan abstrak diserap dalam kelompok yang lain lalu diterima. Unsur dan nilai itu disesuaikan untuk penggunaan di tempat lain dan diresapi dalam sistem hidup yang sedia ada. Nilai ini mungkin berkembang menurut sejarahnya yang tersendiri.


# PRINSIP PEMBINAAN KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

## 1. Orientasi akal fikiran terhadap kenegaraan

Perasaan cinta terhadap negara merupakan sesuatu yang terbit secara semula jadi dari dalam diri seseorang. Semangat nasionalisme ini mengajar manusia supaya sedar bahawa mereka perlu mempunyai tempat untuk hidup dan mati. Setiap manusia harus mempunyai asal usul alam sebagai tempat untuk mencurah rasa bangga kepada negara. Taraf inilah yang mesti

dicapai oleh setiap wargenegara. Mereka sentiasa bersedia mempertahankan negara daripada sebarang bentuk rampasan dan penaklukan.

Sesuatu masyarakat yang mempunyai kebudayaan tidak dapat wujud tanpa adanya suatu penempatan. Apabila kedua-dua unsur ini telah hidup subur, anggota masyarakat akan terus mempunyai semangat kenegaraan yang kuat. Atas rasa inilah telah berjaya mendorong seseorang menggadai nyawa



*Cintailah negara kita*

dan harta benda semata-mata bertahan daripada menjadi orang pelarian.

Rakyat Malaysia dikatakan telah mencapai taraf penyatuan jiwa dan semangat hanya untuk Malaysia. Negara Malaysia disebut sebagai ibu pertiwi. Walau bagaimanapun, pengiktirafan jiwa terhadap negara tidak hanya terpancar pada kata-



*Rakyat Malaysia bersatu*

kata, bahkan meliputi segala pencapaian dan perbuatan.

## 2. Sistem kemasyarakatan

Masyarakat Melayu tradisional mengamalkan corak dan sistem kemasyarakatan yang bertingkat-tingkat. Manusia diatur kedudukan mereka dalam masyarakat berdasarkan hirarki kelahiran mereka

dalam golongan-golongan seperti hamba, orang merdeka atau bangsawan.

Selaras dengan perkembangan pemikiran manusia, sistem ini tidak wajar dikekalkan. Apa yang lebih objektif ialah mengamalkan sistem sosial yang lebih terbuka sebagai jaminan kepada pencapaian mutu kehidupan. Sistem sosial secara terbuka ini akan memberi peluang menonjolkan bakat dan kebolehan masyarakat. Sistem ini juga haruslah didasarkan kepada bakti dan kesetiaan kepada negara, bukan kepada kelahiran atau asas yang boleh mengeneipkan individu daripada mencapai ketinggian dalam martabat kehidupan.

Sistem sosial yang lebih terbuka akan menyeimbangkan pencapaian sesuatu kaum dengan kaum yang lain. Semua kaum mendapat hak yang sama. Walau bagaimanapun, sebagai kaum pribumi, orang Melayu wajar mendapat hak yang lebih istimewa berbanding kaum lain. Akan tetapi janganlah pula kepentingan kaum-kaum lain diabaikan.


## 3. Sistem ekonomi

Nilai ekonomi yang wajar ditanam dalam proses pembentukan kebudayaan kebangsaan ialah kebajikan warganegara. Himpunan harta kekayaan sebanyak yang termampu oleh individu untuk kegunaan sendiri hendaklah dikikis. Kesenangan hidup

hendaklah dikongsi secara sama rata dengan kerelaan. Sistem ekonomi tradisional kerajaan Melayu mengakui hak individu untuk berusaha sesuai dengan kebolehan masing-masing. Walau bagaimanapun apabila orang terlalu mementingkan kesenangan peribadi tanpa dorongan untuk melakukan kebajikan akan membawa kerugian kepada negara.

Sumber alam harus digembeleng dan diagih secara teratur dan penuh keadilan di kalangan rakyat. Untuk mencapai keadaan itu, campurtangan kerajaan harus ada bagi memastikan agihan tersebut tidak hanya dimonopoli oleh mereka yang berkepentingan sahaja.

Keadilan dalam sistem ekonomi dan penghasilan negara secara tidak langsung dapat meninggikan taraf



*Sumber alam yang berharga*

kebajikan rakyat dan menjamin mutu kehidupan rakyat supaya lebih selesa dan sempurna.

#### 4. Sistem pendidikan

Pendidikan merupakan satu wadah yang penting untuk merialisasikan nilai-nilai positif yang diimpikan. Sistem pendidikan yang ada haruslah berupaya berperanan sebagai satu saluran untuk menyebarkan nilai-nilai tersebut di samping kemahiran-kemahiran yang wajar bagi masyarakat.

Nilai keadilan yang menyokong sistem pemerintahan, ketaatan kepada Tuhan, kecintaan kepada negara, hak individu, pengembelangan sumber alam, tanggungjawab sosial, budi pekerti yang luhur, dan yang bersifat keilmuan haruslah ditemukan secara adil dan menyeluruh.

Dalam keadaan ini, sistem pendidikan yang berteraskan kebudayaan dan nilai-nilai kenegaraan harus dijalankan. Apa yang penting sistem pendidikan yang dipraktikkan bukan hanya menyentuh soal kemahiran tanpa unsur kebudayaan, kemasyarakatan, kemanusiaan dan ketuhanan.

#### 5. Sistem kepercayaan

Setiap individu di dunia bebas untuk menganut mana-mana sistem

kepercayaan. Sistem kepercayaan selalunya bersangkutan dengan kewujudan manusia itu sendiri dan matlamat kehidupan mereka.


Islam telah lama bertapak kukuh di Malaysia selalunya menjadi identiti bagi kebudayaan Melayu. Negara Malaysia juga berteraskan prinsip-prinsip Islam dalam pelbagai perkara, malahan telah dijadikan sebagai agama rasmi Malaysia. Segala perkara harus diukur dan dinilai menurut pandangan Islam. Namun demikian dalam waktu yang sama Islam sendiri telah menjamin kebebasan agama bagi setiap individu.

Oleh yang demikian, setiap warganegara berhak menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan mereka berdasarkan kepada sistem kepercayaan mereka. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti keagamaan tersebut tidaklah hingga menyinggung perasaan penganut Islam dan menentang Islam sama ada secara sembunyi ataupun terang-terangan.

## 6. Sistem politik

Sistem politik di Malaysia adalah bercorak raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Rakyat diberi mandat untuk menentukan pemerintah mereka menerusi pilihan raya yang diadakan setiap lima tahun.

Sistem musyawarah antara pemerintah adalah sebagai bukti persepakatan iaitu satu nilai yang penting bagi masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, faktor ini amat sesuai jika terus dikekalkan.



*Raja lambang perpaduan*

Raja merupakan lambang penyatuan rakyat dan bukannya sumber kejahatan dan kemungkar. Oleh yang demikian pengendalian nilai politik ini adalah amat penting dalam membincangkan prinsip kebudayaan kebangsaan.

## 7. Bentuk pengucapan seni

Seni merupakan sesuatu yang indah yang disalurkan melalui saluran yang tertentu. Manusia dan alam sekeliling



*Antara nilai kesenian Melayu*

menjadi objek utama yang mencetuskan ilham untuk menghasilkan unsur dan nilai kesenian.

Untuk itu Bahasa Melayu wajar dijadikan alat dan saluran. Bahasa dianggap mempunyai hubungan yang amat erat dan padu dalam pengucapan seni. Pengucapan bahasa asing gagal mempamerkan makna dan imej budaya kita. Walaupun apa yang dipertuturkan berlandaskan sesuatu peristiwa alam namun hendaklah diidentifikasi dengan nilai setempat bukannya dengan unsur-unsur asing.

Oleh yang demikian pengucapan seni yang bertunjangkan kepada sumber dan tradisi alam adalah amat perlu. Tradisi serta nilai luar yang asing akan menerbitkan unsur yang

janggal dan bertentangan dengan kehidupan dan peribadi kita.

## **8. Sistem etika dan nilai**

Berbudi tinggi, berilmu, berhemah tinggi dan bijaksana adalah nilai pertimbangan yang waras dan adil. Tindakan yang berakhlak dan bermoral dalam hidup akan melahirkan satu bentuk keperibadian yang unggul. Nilai-nilai ini ditambah pula dengan bertimbang rasa dan bertatertib.

Nilai-nilai dan etika murni ini dapat diperkembangkan dan semuanya berkait rapat dengan pembinaan insan yang teratur dan berakhlak kemanusiaan.

# LATAR BELAKANG KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

## 1. Berteraskan kebudayaan rantau ini

Rantau ini bermaksud kawasan-kawasan yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Brunei, Thailand dan Kampuchea serta Kepulauan Selatan Pasifik (Polynesia, Melanesia dan Ocenia) sehingga ke barat Madagaskar. Penduduk di kawasan-kawasan tersebut terdiri daripada keturunan dan rumpun yang sama iaitu Melayu.

Di rantau ini jugalah merupakan pusat pemancaran dan perkembangan warisan kebudayaan Melayu sejak zaman berzaman. Ini dibuktikan dengan kegemilangan dan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan atau *lingua franca*.

Kebudayaan rantau ini digambarkan oleh persamaan dalam bidang bahasa berasaskan keluarga



*Penjajah telah meruntuhkan budaya Melayu*

bahasa Melayu-Austronesia, kedudukan geografi, peristiwa-peristiwa sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai-nilai keperibadian.


Pada hari ini, Kebudayaan Melayu merupakan satu identiti, cara hidup dan asas ukuran keperibadian kepada lebih daripada 200 juta umat manusia dalam rumpun yang sama yang hidup berselerak di kawasan-kawasan yang disebutkan.

Berdasarkan hakikat inilah, Kebudayaan Melayu sebagai kebudayaan rakyat asal di rantau ini dan dalam pengertiannya yang sempit atau luas, telah dijadikan sebagai teras kepada Kebudayaan Kebangsaan.

Dalam lingkungan budaya nasional, terdapat budaya-budaya sukuan yang homogenous.



*Bermain rebana*



*Keris sungguh bermakna*

Kumpulan etnik mempunyai budaya yang tertentu. Budaya Melayu dijadikan teras budaya nasional disebabkan sifat budaya itu sendiri sebagai suatu kesinambungan tradisi.

Budaya bersifat simbolik. Sebagai contoh, artifak yang tertentu seperti keris mempunyai makna yang simbolik kepada masyarakat Melayu. Keris diiktiraf sebagai lambang kemegahan dan kepahlawanan atau keagungan bangsa Melayu.

## 2. Mengambil unsur kebudayaan lain

Kebudayaan sentiasa berubah-ubah, bersifat dinamik dan sering melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara terus menerus. Keadaan ini berlaku sesuai dengan situasi penduduk yang berbilang kaum yang mengamal dan mewarisi pelbagai budaya.

Dalam usaha untuk mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan, unsur-unsur dan ciri-ciri budaya Cina, India, Arab dan negara Barat wajar dipertimbangkan untuk diserap ke dalam pembentukan kebudayaan ini.

Pertimbangan yang sewajarnya harus diberikan terhadap unsur-unsur budaya yang sesuai dengan nilai-nilai hidup masyarakat tempatan. Di samping itu penerapan tersebut tidak akan mewujudkan sebarang percanggahan dengan undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Malaysia atau prinsip-prinsip Rukun Negara.

Langkah ini perlu supaya kepentingan nasional, asas-asas moral dan kerohanian sejagat serta agama Islam khasnya tidak terganggu.



*Jalan Petaling*

Contohnya Dasar Pandang ke Timur yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1981. Dasar ini membawa erti mengambil negara-negara Timur yang maju seperti Jepun dan Korea Selatan sebagai



*Tarian Singa unsur kebudayaan kaum Cina*

contoh dalam usaha untuk membangunkan negara.

Apa yang penting, mengambil dan mengubah suai unsur-unsur yang baik daripada orang timur dan diaplikasikan dalam masyarakat tempatan untuk meninggikan daya pengeluaran dan meninggikan taraf pembangunan sosioekonomi.

Antara perkara yang harus diberi perhatian ialah menggalakkan kerajinan dan disiplin kerja, mengutamakan kumpulan dan bukan diri sendiri, merapatkan hubungan antara individu serta menitikberatkan kejayaan jangka panjang.

Semua perkara yang telah disebut tadi bukanlah begitu asing kepada masyarakat kita. Apa yang perlu ialah mengambil langkah-langkah menerapkan semua unsur yang baik selaras dengan matlamat dan cara hidup kita sendiri.

### 3. Islam sebagai landasan


Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu sejak tahun 1415 telah mengubah corak pandangan dan kehidupan di kalangan rakyat di rantau ini. Berdasarkan peristiwa sejarah, Tanah Melayu telah muncul sebagai pusat perkembangan agama dan intelektual yang pesat.

Sebahagian besar umat di rantau ini menganut agama Islam sejak 600 tahun yang lampau. Oleh yang

demikian, nilai-nilai Islam merupakan unsur-unsur yang penting dan wajar menjadi asas pertimbangan dalam membentuk dan menentukan cara hidup.

Kepercayaan kepada Allah s.w.t. adalah perkara penting dalam proses pembangunan negara dan pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia.

Agama Islam sebagai panduan telah mengajar manusia supaya bijak mengimbangi dan mengisi keperluan-keperluan fizikal dan mental. Oleh itu, agama Islam telah dijadikan agama rasmi negara Malaysia dan telah sedia didukung oleh sebilangan besar rakyat di rantau ini.




*Kaum lain bebas beragama*



*Masjid Negara lambang agama Islam*

Kebudayaan Kebangsaan memberi ruang penerimaan unsur-unsur asing yang sesuai dengan kedudukan Islam sebagai nilai sifat kebangsaan kita dan sesuai dengan status sebagai agama negara.



*Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*

Melalui cara ini, Malaysia mempunyai peranan pengembangan Islam melalui institusi pengajian seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa serta melalui pusat-pusat penyelidikan Islam seperti Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Dengan ini Islam di Malaysia agak teristimewa berbanding dengan agama-agama lain.

Perlu dinyatakan bahawa pengambilan nilai-nilai Islam sebagai landasan ke arah mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan bukanlah bertujuan memaksa atau menekan rakyat yang bukan beragama Islam supaya menganuti Islam.

Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama rasmi negara, tetapi penganut-penganut agama lain bebas menganut dan mengamalkan

agama masing-masing tanpa sebarang ancaman.

#### 4. Dapat diterima oleh semua kaum

Kebudayaan rakyat asal rantau ini dijadikan teras untuk pembentukan Kebudayaan Kebangsaan di samping agama Islam sebagai

tempatannya diharap dapat diterima dan diaplikasi oleh segenap lapisan masyarakat dan semua kaum yang ada. Bahkan faktor inilah yang menjadi tunjang kepada kejayaan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Kebudayaan Kebangsaan yang bakal wujud haruslah bersesuaian dengan semua bangsa. Kebudayaan



*Agama Islam sebagai landasan*

landasan dan unsur-unsur penting yang harus diambil kira. Ini bukanlah bermakna kebudayaan yang lain hanya beridentitikan masyarakat Melayu khususnya yang menganut agama Islam.

Pengambilan unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan tidak bercanggah dengan kebudayaan dan undang-undang

Kebangsaan itu juga mestilah dapat difahami, diterima dan dipraktik oleh semua kaum di Malaysia, tanpa rasa janggal dan kekok. Penerimaan secara menyeluruh ini juga bermaksud semua bangsa di Malaysia berupaya menonjolkan identiti bangsa dan dalam waktu yang sama dapat mempamerkan keperibadian rakyat Malaysia.

# OBJEKTIF

## 1. Mengukuhkan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan manusia

Kebudayaan Kebangsaan merupakan satu hasrat untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berupaya membangunkan rakyat melalui penguasaan ilmu, kecekapan dan moral yang tinggi.

Peningkatan kualiti kehidupan manusia dan keseimbangan kerohanian hendaklah selaras dengan tuntutan Islam. Ini bermakna,

Islam bukanlah agama yang anti-pembangunan malah tidak pernah menentang pembangunan. Islam tidak rela melihat umatnya miskin dan jahil dalam hal material, intelektual, spiritual dan moral.

Tapak dan asas yang sedemikian telah mewujudkan satu kesinambungan. Dasar-dasar negara yang lain telah pun dibentuk dan telah menjadi sebahagian daripada Dasar Ekonomi Baru (1970-1990). Malaysia yang sedang menuju ke arah negara perindustrian, mahukan masyarakat Bumiputera lahir sebagai masyarakat perdagangan dan perindustrian



*Menguasai ilmu*

yang mantap menjelang 2020, khususnya masyarakat Melayu di Sabah dan Sarawak.

Pembangunan menghalu kepada perubahan corak kehidupan bandar supaya lebih menguntungkan. Transformasi pembangunan luar bandar terjadi dengan menyusun kembali struktur desa supaya sesuai dengan pertanian dan industri



*Public Bank*

moden. Sumber alam dan khazanah kekayaan bumi yang tidak ternilai akan digunakan secara produktif untuk meningkatkan kemajuan ekonomi.

Dalam Majlis Penyampaian Hadiah Bahasa PCM-Public Bank pada 11 Ogos 1994, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkata, keseimbangan antara pembangunan

sosio ekonomi dengan kemajuan unsur-unsur budaya, bangsa, negara dan bahasa amat penting.

Bagi beliau, tumpuan perhatian kepada pembangunan sosio ekonomi dalam konteks pembinaan bangsa yang utuh menjadi iltizam kerajaan. Tanpa kukuh ekonomi, kita tidak mungkin mendapat peluang memberi perhatian kepada aspek budaya.

Tumpuan dan perhatian kepada pembinaan sosio ekonomi rakyat tidak harus sampai mengalpakan kita kepada tanggungjawab memupuk dan memperkembang bahasa dan budaya sebagai asas kekuatan bangsa dan negara Malaysia.

## 2. Melahirkan peribadi dan identiti Malaysia

Peristiwa hitam 13 Mei 1969 mengajar kita supaya lebih berwaspada. Latar belakang rakyat Malaysia yang berbagai-bagai kaum belum terjalin kukuh dalam satu kesatuan sikap dan cara hidup. Kesatuan inilah yang akan meletak kepentingan negara pada tempat yang paling atas daripada sifat-sifat atau kepentingan kaum masing-masing.

Perubahan corak masyarakat terlalu banyak ditentukan oleh arah politik perkauman yang dibuktikan dengan tertubuhnya badan-badan dan gerakan politik kaum. Konflik

kaum ternyata tidak dapat dibendung dan ditambah pula dengan hasutan politik di kalangan rakyat.

Objektif untuk melahir dan memelihara peribadi dan identiti Malaysia boleh dilakukan dengan mengubah corak politik perkauman kepada politik berbilang kaum. Masyarakat Bumiputera dan bukan Bumiputera harus menyedari hakikat ini. Pendidikan awal akan mereda dan menumpulkan perasaan perkauman. Generasi baharu akan terlibat dalam pelbagai sektor. Sekiranya semua kaum mempunyai pemikiran yang sama, maka apa-apa pun perubahan dan kemajuan tetap menurut acuan Malaysia.

Acuan yang sama akan melahirkan satu bentuk masyarakat dengan pemikiran yang sama. Persamaan dari segi pemikiran, cara hidup dan tindakan akan melahirkan satu peribadi dan identiti kebangsaan yang unggul.

### 3. Meningkatkan perpaduan bangsa dan negara

Konsep satu negara bangsa mempunyai makna yang dalam. Konsep ini bermaksud sebuah negara berdaulat yang rakyatnya tidak dapat diidentifikasi melalui kaum, keturunan atau warna kulit.

Pembentukan satu negara bangsa adalah menjadi prasyarat kepada kemajuan. Ini disebabkan

sebarang kerjasama untuk kemajuan tidak akan terjalin tanpa rakyat yang tidak mempunyai satu pemikiran terhadap satu negara dan bangsa. Bagi memenuhi keperluan ini, kesetiaan kepada negara, perpaduan negara, keharmonian dan toleransi perlulah difahami dan diamalkan.

Proses Kebudayaan Kebangsaan sebenarnya menuntut kita melihat kepada persamaan-persamaan dan bukannya perbezaan antara kita.



*Ke arah perpaduan kaum*

Masyarakat berbilang kaum perlu mengurangkan penonjolan unsur-unsur yang membezakan mereka. Mereka tidak perlu terlalu membesar-besarkan identiti kaum hingga menenggelamkan keperibadian bangsa lain dan negara.

Perpaduan akan lahir apabila sebahagian daripada nilai-nilai bersama dikongsi. Nilai-nilai kebangsaan kita sudah cukup banyak menerima masuk nilai-nilai rakyat lain. Sikap memberi dan menerima patut diamalkan bersama. Sebagai satu bangsa Malaysia, kesetiaan kepada negara hanyalah kepada Malaysia.

#### 4. Kestabilan politik, ekonomi dan budaya

Kebudayaan adalah terlalu abstrak untuk dihuraiakan. Walau bagaimanapun, aspek-aspek pemikiran, simbol dan kesenian cukup untuk mempengaruhi sifat bidang-bidang lain yang ingin kita majukan. Pencapaian kebudayaan hingga ke tahap yang lebih tinggi akan melahirkan peradaban bangsa.



*Antara simbol negara*



*Usahawan Bumiputera*

Peradaban bangsa ditentukan oleh kecemerlangan dan keseimbangan pencapaian politik, ekonomi dan sosial. Budaya, ekonomi, pembangunan sumber tenaga manusia, revolusi pemikiran, transformasi budaya, usaha ke arah mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera, pembangunan luar bandar dan masyarakat, sumber alam, hubungan antarabangsa dan lain-lain tidak akan berpisah dalam usaha mewujudkan Kebudayaan Kebangsaan.

Faktor-faktor yang tersebut di atas saling berhubungan antara satu dengan yang lain. Pelaku utama kepada pembinaan tamadun dan kemajuan adalah rakyat Malaysia yang berbilang kaum yang pada suatu ketika nanti akan dikenali sebagai bangsa Malaysia.

# CARA PELAKSANAAN


## 1. Dasar Pendidikan Kebangsaan

Sistem pendidikan pada zaman penjajah telah berkembang tanpa mengambil kira keperluan pembangunan, pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan negara. Apa yang ditekankan adalah mencurahkan taat setia rakyat kepada negara.

Atas kesedaran ini pemimpin-pemimpin negara berusaha ke arah mewujudkan dasar pendidikan yang lebih baik. Dasar Pendidikan

(Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran 1957. Dasar ini telah disemak semula pada tahun 1960 yang menghasilkan Laporan Rahman Talib yang kemudiannya termaktub dalam Akta Pelajaran 1961.

Dasar ini telah dikaji semula untuk memperbaiki pelaksanaan dasar bagi melahirkan satu masyarakat yang bersatu, berdisiplin dan terlatih untuk pembangunan negara. Untuk tujuan itu Jawatan-kuasa Kabinet telah ditubuhkan pada tahun 1974.



*Ke arah pembangunan negara*



*Sebuah sekolah vokasional*

Beberapa strategi telah disusun untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah ditetapkan, iaitu :

- a. menjadikan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Malaysia kini Bahasa Melayu) sebagai bahasa pengantar yang utama.
- b. mewujudkan kurikulum yang berorientasikan Malaysia.
- c. mewujudkan sistem peperiksaan yang sama.
- d. memperkemaskan pengurusan pendidikan.
- e. meningkatkan mutu pendidikan.
- f. mengadakan peluang pendidikan asas selama sembilan tahun.
- g. mendemokraskan pendidikan dari segi peluang dan mutu, khusus kepada kumpulan yang kurang bernasib baik.
- h. mengadakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).
- i. memperluaskan pendidikan Vokasional dan Teknik.
- j. mempelbagaikan kemudahan-kemudahan pendidikan di peringkat universiti.
- k. mewujudkan peluang yang sempurna kepada pembelajaran bahasa-bahasa lain di sekolah.
- l. menggalakkan aktiviti ko-kurikulum.

Penggubalan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan sedikit sebanyak memupuk dan menimbulkan perasaan dan kesedaran kebangsaan Malaysia di kalangan para pelajar.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan pada tahun 1989 adalah kesinambungan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang dilaksanakan pada tahun 1983. Isi kandungan kurikulum berupa pengetahuan, kemahiran, nilai, sikap dan tingkah laku yang diperlukan dalam kehidupan seharian sebagai asas bagi pendidikan seumur hidup.

Pengetahuan-pengetahuan yang ditekankan adalah secara seragam antara setiap kaum, dengan mengambil kira fakta-fakta sejarah lampau supaya tidak menimbulkan sentimen perkauman antara para pelajar. Para guru harus sedar bahawa keruntuhan budaya bukan sahaja disebabkan oleh pengaruh budaya serpihan, tetapi akibat masalah dalaman bangsa itu sendiri. Sesetengah mereka amat menyintai budaya Barat.

Kemantapan guru dalam membentuk budaya hidup yang baik bergantung kepada keseimbangan kepesatan pembangunan fizikal dengan pembangunan kejiwaan dan kerohanian.

## 2. Mewujudkan komunikasi yang efektif

Komunikasi yang efektif merupakan faktor utama kepada pembangunan sesuatu bangsa dan negara. Kesedaran kebangsaan dan nasionalisme amat bergantung



*Budaya masih menebal*

kepada perkara ini. Kita harus berbangga kerana bahasa Melayu yang menjadi bahasa perantaraan lebih kepada 200 juta manusia sedang berkembang di peringkat antarabangsa.

Dalam mencapai keseimbangan dalam pembangunan, Bahasa Melayu dijangka akan turut berkembang maju menjadi bahasa perantaraan, pengucapan, ilmu pengetahuan, sains dan teknologi.

Bagi mewujudkan komunikasi yang efektif, bahasa Melayu sesuai dijadikan sebagai bahasa perantaraan bagi semua kaum di Malaysia. Bahasa Melayu haruslah dikuasai dengan maksimum sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa

rasmi negara. Bahasa Melayu haruslah diiktiraf sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu.

Gabungan pengiktirafan seperti ini, akan menonjolkan perasaan dan semangat kebangsaan bagi rakyat Malaysia. Setiap kaum akan berasa diri mereka sebagai bangsa yang satu dan menampilkan ciri-ciri kebudayaan dan cara hidup yang sama.

### 3. Meninggikan taraf dan mutu nilai-nilai kesenian

Peningkatan taraf kesenian bukan sahaja sekadar mempamerkan



*Bermain wau*

persembahan sorak-sorai budaya tetapi dipenuhi dengan satu dimensi budaya fikir, memupuk keperibadian bangsa melalui kreativiti yang memancarkan etika, falsafah dan intelektual bangsa. Kesenian harus bermutu, bermoral dan merupakan agen penting dalam pembentukan jiwa kemanusiaan.

Segala simbol kesenian haruslah disematkan dengan segala bentuk keindahan, kesempurnaan dan nilai bangsa di Malaysia. Pemeliharaan warisan kesenian yang bersifat etnik atau perkauman dan didukung oleh warisan kebudayaan rakyat asal negara ini mesti diberi keutamaan kerana di sinilah terletaknya sumber identiti.

Segala bidang kesenian baik yang bersifat persembahan seperti teater, filem, tarian dan muzik atau yang bersifat seni tampak seperti lukisan, ukiran dan kerja tangan harus dimajukan, atau jika perlu digabungkan antara kaum. Simbol-simbol negara juga perlu ada untuk menunjukkan ketinggian kebudayaan kita.

Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi. Oleh itu, institusi yang berkaitan dengan Islam patut melambangkan keislaman misalnya Masjid Negara. Demikian juga dengan Istana Negara yang menggambarkan kedaulatan dan kebesaran adat istiadat Melayu.

#### 4. Meningkatkan kepimpinan budaya

Manusia dikurniakan akal dan fikiran untuk mempelajari sesuatu. Justeru itu mereka mempunyai kesempatan untuk mempelajari budaya mereka sendiri atau masyarakat lain. Ini bererti budaya itu dipelajari.

Proses penerimaan dan pembelajaran ini bermula sejak dari peringkat bayi. Bayi akan belajar dengan cara meniru perlakuan atau perbuatan yang dilihat dan dipelajari secara tidak formal. Dalam waktu ini, berlakulah proses pembelajaran. Serentak dengan itu juga, terjadilah proses pembudayaan dan sosialisasi.

Proses pembudayaan bermaksud

proses mempelajari dan diajari sosiobudaya dari satu pihak kepada pihak yang lain manakala sosialisasi pula bermaksud interaksi antara satu pihak dengan yang lain yang berlaku dalam proses pembudayaan.

Program Rakan Budaya melalui pelaksanaan Rakan Muda yang diperkenal dan dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1995 adalah satu agen penting bagi orang ramai khususnya para belia untuk mempelajari dan mencintai nilai-nilai budaya.

Penyertaan dalam program ini terbuka luas dan tidak terhad kepada sesuatu kaum. Kaum Cina boleh mempelajari kebudayaan kaum Melayu atau India dan begitulah sebaliknya.



*Program Rakan Budaya*

# PENCAPAIAN DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

## 1. Program-program radio dan televisyen

Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah mengambil langkah yang positif sejak beberapa tahun yang lalu untuk meningkatkan pencapaian dalam kebudayaan. Sekarang kita mempunyai saluran-saluran radio yang menghidangkan program-program dalam pelbagai bahasa berdasarkan kaum di Malaysia iaitu :

1. Bahasa Melayu
2. Bahasa Inggeris
3. Bahasa Cina
4. Bahasa Tamil

Apa yang membanggakan semua rancangan yang disiarkan dalam saluran-saluran tertentu tidak menggambarkan agama kaum berkenaan. Kita selalu mendengar rancangan agama Islam disiarkan melalui saluran radio bahasa Cina. Selain itu saluran radio dalam bahasa Melayu seperti Radio Tiga bukan diadakan khusus untuk kaum Melayu. Saban hari, diperdengarkan juga lagu-lagu Tamil, Cina dan sebagainya.

Langkah ini sebagai satu cara untuk mengelakkan timbulnya sentimen perkauman memandangkan sebahagian besar



*Perpaduan melalui media*



*Pakaian yang sopan*

kaum-kaum tertentu tidak memahami apatah lagi bertutur dalam bahasa-bahasa kaum yang lain.

Demikian juga keadaannya dengan rancangan-rancangan televisyen. Setiap hari kita tidak pernah ketinggalan menonton rancangan-rancangan yang menggunakan bahasa lain sebagai bahasa perantaraan. Contohnya, rancangan berita, drama masyarakat, hiburan dan sebagainya.

Supaya lebih menarik lagi, dalam sesebuah drama, para pelakon yang menjayakan drama tersebut terdiri daripada pelakon yang berbilang kaum. Kadang-kadang drama yang dihasilkan memberi penekanan kepada cerita yang berlatarbelakangkan corak kehidupan masyarakat sesuatu kaum.

Bagaimanapun, untuk memberi kesan yang mendalam kepada penonton, watak-watak utamanya didokong oleh pelakon Melayu atau Cina. Dialog yang digunakan juga terdiri daripada berbagai-bagai bahasa walaupun bahasa Melayu diberi keutamaan.

## **2. Hari Kelepasan Am**

Sesuai dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menerima unsur-unsur kaum lain untuk diterap dalam proses ini, keutamaan dan aspek penting kaum-kaum tertentu tidak harus disisihkan. Ekoran daripada itu, kerajaan telah menetapkan perayaan-perayaan dan hari-hari kebesaran kaum-kaum di Malaysia diisytiharkan sebagai hari kelepasan am.



*Perayaan Hari Raya Aidiladha*

Hari kelepasan am ini termasuklah Hari Deepavali bagi kaum India, Tahun Baru Cina bagi masyarakat Cina, Hari Wesak bagi mereka yang beragama Buddha, Hari Natal bagi kaum yang beragama Kristian dan yang paling utama bagi penduduk Bumiputera iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

Selain sebagai menghormati nilai-nilai dan amalan kaum terbabit, pengisytiharan ini diharap akan menjadi tunjang kepada perpaduan, keamanan dan keharmonian antara kaum di Malaysia.

Pada hari-hari tersebut semua masyarakat digalakkan kunjung mengunjung antara satu sama lain. Dengan cara ini juga sesuatu kaum itu akan dapat mengenal budaya, adat dan nilai-nilai masyarakat

majmuk yang wajar untuk diadaptasikan dalam kehidupan seharian. Pengetahuan tentang kebudayaan ini akan menghapuskan segala prasangka di kalangan kaum.



*Ketupat yang dibungkus*

### 3. Pendidikan bahasa ibunda

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran, moral dan etika. Dalam waktu yang sama akan mendorong pelajar supaya bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.

Kurikulum yang sama dan bercorak kebangsaan telah menimbulkan perasaan dan kesedaran kebangsaan Malaysia di kalangan mereka melalui sistem Pendidikan Kebangsaan.




*Sekolah rendah Tamil*

Kerajaan Malaysia juga telah menyediakan pendidikan asas selama sembilan tahun dengan



*Sekolah tempat kita dididik*



*Universiti Kebangsaan Malaysia*

guru-guru dan buku-buku dalam bahasa Cina dan Tamil.

Di peringkat menengah pula, undang-undang telah memperuntukkan supaya kerajaan menyediakan guru bahasa Cina dan Tamil sekiranya ibu bapa kepada 15 orang atau lebih pelajar Cina atau India meminta kelas-kelas bahasa ibunda diadakan.

Bidang komunikasi yang ditekankan bertumpu kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira (Sistem 3M). Kemahiran ini diasaskan kepada pengetahuan dan pengalaman. Kesemua ini disatukan di bawah mata pelajaran teras.

Mata pelajaran teras termasuklah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Seni,

Pendidikan Jasmani dan Kemahiran Hidup. Pelajaran-pelajaran yang dikategorikan sebagai pelajaran tambahan ialah Bahasa Arab, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

#### **4. Jabatan Pengajian Melayu, Cina dan India**

Hampir semua institusi pengajian tinggi tempatan yang mempunyai program kursus Sains Kemasyarakatan menawarkan beberapa kursus pilihan kepada para pelajar. Dengan kata lain, semua pelajar daripada pelbagai kaum bebas belajar dan mendalami bidang-bidang pengajian bahasa dan bangsa asing. Pengajian bahasa disertakan dengan pengajian kebudayaan.

Kerajaan telah lama menubuhkan jabatan-jabatan pengajian Cina dan Tamil di universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penubuhan jabatan-jabatan ini tidak hanya dikhususkan kepada kaum-kaum tertentu seperti orang Melayu yang hanya dibolehkan mengikuti kursus di Jabatan Pengajian Melayu, manakala orang Cina dan India di Jabatan Pengajian Cina atau India.

Apa yang membanggakan kita ialah di universiti-universiti berkenaan ramai antara pelajar Cina dan India

mengikuti kursus pengajian Melayu, pelajar-pelajar Melayu dan Cina mengikuti kursus pengajian India dan pelajar-pelajar Melayu dan India mengikuti kursus pengajian Cina.

Pelajaran bahasa-bahasa asing juga disediakan oleh institusi-institusi pengajian tempatan sebagai mata pelajaran pilihan selain bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

### 5. Gabungan kegiatan kesenian

Penggubalan dan pelaksanaan dasar ini masih pada peringkat awal. Bagaimanapun, pembentukan identiti



*Pelajar-pelajar bukan Melayu mengkaji budaya Melayu*




*Warganegara Malaysia*

nasional dan perpaduan kaum dan nilai murni Islam telah pun dilaksanakan. Pencapaian ke arah ini amat jelas kelihatan.

Identiti kewarganegaraan dan seni budaya Malaysia juga didapati dalam perayaan-perayaan antarabangsa juga dalam kegiatan seni sukan dan perayaan sama ada secara rasmi ataupun tidak.

Kegiatan seni sukan seperti seni mempertahankan diri Taekwon-Do yang berasal dari Korea, Karate-Do yang berasal dari China, Silambam dari India dan Seni Silat Cekak dari Malaysia (Kedah) merupakan satu himpunan seni mempertahankan diri yang telah lama bertapak kukuh di Malaysia.

Kesenian ini dipelajari dan diamalkan oleh kebanyakan



*Sukan Taekwon-Do*

penduduk di negara Malaysia tanpa mengira kaum dan keturunan. Bahkan seni mempertahankan diri ini telah dijadikan sebagai acara tetap dalam setiap perlawanan sukan pada pelbagai peringkat di Malaysia.

Tahun 1990 dan 1994 telah dijadikan sebagai Tahun Melawat Malaysia. Dalam tahun-tahun tersebut pelbagai acara dianjurkan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan aktiviti pelancongan di negara kita. Antara acara-acara itu adalah kegiatan kesenian yang berupa persembahan tarian daripada pelbagai kaum di Malaysia.

Apa yang menarik persembahan tarian bagi sesuatu kaum berkenaan diiringi oleh irama yang dimainkan melalui alat-alat muzik kaum yang berbeza-beza. Sebagai contoh, tarian asli Melayu diiringi dengan paluan gendang daripada kaum India.

Persembahan kebudayaan kaum Melayu itu diikuti pula oleh kaum Cina. Walaupun corak persembahan agak berbeza, tetapi penggunaan alat muzik adalah sama untuk menghasilkan kesinambungan, seolah-olah ciri-ciri budaya yang ditonjolkan berada dalam kelompok yang sama.



*Seni silat*

# MASALAH

Gagasan kepada dasar ini merupakan satu jalan yang baik untuk menggalakkan perpaduan dan toleransi antara kaum. Bagaimanapun, masih terdapat halangan terhadap keberkesanan pelaksanaan dasar ini.

Masyarakat seharusnya sedar bahawa untuk mencapai objektif sepertimana yang diharapkan, bukanlah mudah. Pelaksanaan dasar memerlukan masa yang panjang dan pengorbanan untuk mendapatkan hasil seperti yang dicita-citakan.

Masalah yang timbul yang menjejaskan usaha ini adalah berpunca daripada beberapa faktor.

## 1. Pertumbuhan ekonomi yang pesat

Pertumbuhan ekonomi yang pesat merupakan salah satu masalah. Ini menyebabkan berlakunya perhubungan luar secara lebih bebas dan terbuka. Justeru itu timbullah beberapa perkara baharu yang bercanggah dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.


Perkara ini didapati melalui penggunaan bahasa di negara kita.

Hal ini melibatkan tempat-tempat awam yang menjadi lambang dan identiti sesuatu bangsa. Sebagai contoh, Pasar Budaya sebagai tempat koleksi barang-barang kebudayaan masyarakat tempatan lebih dikenali dengan 'Central Market'. Sekiranya perkataan ini diterjemahkan bermaksud 'Pasar Pusat'.

Mendengar maksudnya sahaja para pelancong tidak mungkin dapat menggambarkan apa yang ada di



*Menjadi tarikan pelancong*



*Pasar Budaya atau Central Market*

Pasar Budaya itu. Malahan mungkin ada yang beranggapan tempat ini sebagai sebuah pasar raya. Sebenarnya tempat ini berasal daripada Pasar Besar Kuala Lumpur, sebuah pasar basah atau Central

Market Kuala Lumpur dalam bahasa Inggeris. Nama ini kekal dan tidak melambangkan fungsi yang sebenar.

## **2. Sikap masyarakat**

Sikap masyarakat merupakan satu faktor yang penting untuk kemajuan dan pelaksanaan aspirasi negara. Ini disebabkan masyarakat merupakan akar umbi kepada terbentuknya sebuah negara yang maju.

Kebanyakan masyarakat Malaysia amat mementingkan diri dan kaum masing-masing. Orang Melayu dengan semangat kemelayuannya, orang Cina dengan kecinaannya dan demikian juga dengan orang India. Perkara ini tidak



*Masyarakat majmuk*



*Orang Cina*

dapat dielakkan kerana rakyat Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk. Lagipun ini adalah naluri manusia semula jadi.

### 3. Sikap politik

Dalam waktu yang sama, keadaan politik semasa juga secara tidak langsung membantu ke arah kewujudan masalah ini. Kita mempunyai pelbagai pergerakan politik yang didasarkan kepada kaum. Setiap kaum cuba memperjuangkan kepentingan kaum sendiri.

Sifat badan politik seperti ini tidak dapat lari daripada menimbulkan sentimen perkauman. Keadaan ini makin menjauhkan lagi jurang pemisah antara kaum di Malaysia.



*Semangat perkauman perlu dikikis*

#### 4. Perubahan sosial

Teknologi moden dari luar terutama dari Barat memungkinkan berlakunya perubahan dari segi sosial. Proses perubahan semakin pesat dan bertambah luas. Hal ini jelas bertentangan dengan konsep pembinaan bangsa dan negara Malaysia yang mengutamakan satu perancangan dan keseimbangan identiti.

Pelbagai ciri yang bertentangan dengan etika dan tradisi rakyat sama ada dari segi pemikiran, pakaian dan sikap. Keruntuhan moral dan kehilangan etika dapat disaksikan



*Golongan remaja Melayu*



*Arus kemodenan melanda negara*



*Tarian Melayu lebih indah*

melalui pelbagai cara. Dari segi kesenian, tarian-tarian luar lebih menonjol, ditambah pula dengan irama muzik yang agak "kasar" dan tiada nilai seni.

Walaupun kebudayaan tidak memadai dengan tarian sahaja, bahkan kesemuanya itu telah mempengaruhi masyarakat kita, sekiranya tidak dibendung, masyarakat mungkin akan kehilangan pegangan hidup dan bersikap jauh menyimpang daripada ciri-ciri kemalaysiaan.



*Unsur budaya Melayu*

# PENUTUP

Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang digubal adalah perlu bagi negara Malaysia yang berbilang kaum dan sedang pesat membangun. Dasar sedemikian diharap dapat dijadikan panduan untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan beridentitikan Malaysia.

Apa yang perlu ditekankan ialah pelaksanaan dasar ini yang agak rumit di samping memerlukan masa yang panjang dengan penyertaan daripada semua pihak tanpa mengira kaum dan agama.

Kesedaran, keinsafan dan kefahaman yang mendalam amat penting dibentuk dalam diri setiap rakyat Malaysia untuk mencapai cita-cita murni itu. Kesedaran ini menuntut pengorbanan daripada seluruh rakyat Malaysia.